

PM: Tak perlu isytihar darurat, segerakan projek tebatan banjir

Oleh LUQMAN
HAZIQ ABDULLAH
utusanbews@mediamulia.com.my

SEGAMAT: Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan, kerajaan tidak perlu mengisytiharkan darurat ekoran bencana banjir kerana hujan dijangka berkurangan dalam tempoh beberapa hari akan datang.

Namun, Perdana Menteri mengarahkan semua projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) bernilai RM600 juta ke atas diluluskan dan segera dilaksanakan mulai Jun ini.

“Keputusan kerajaan tidak isytihar darurat kerana hujan dijangka berkurangan dan di beberapa tempat sedikit surut. Di beberapa tempat yang mengalami banjir temenung pula, mungkin itu mengambil masa sedikit untuk surut.

“Namun tidak perlu darurat setakat ini dan keadaan banjir

difahamkan mulai surut bermula hari ini,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas melakukan tinjauan di pusat pemindahan sementara (PPS) Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Kampung Tengah, di sini semalam.

Sebelum itu, beliau ditemani Menteri Besar Johor, Datuk Onn Hafiz Ghazi melawat PPS Sekolah Kebangsaan (SK) Gemeroh.

Dalam pada itu, Anwar menegaskan, keputusan kerajaan menyejajarkan projek tersebut bagi mengelakan bencana banjir berulang, sekali gus terus menjemaskan kehidupan rakyat dan memusnahkan harta benda.

“Isu banjir ini kalau kita tidak lakukan apa-apa yang serius, ia akan berulang. Banjir ini bukan kali pertama, bertahun-tahun dan di sini sudah dua kali banjir besar.

“Oleh itu, kita putuskan projek mahal RM600 juta atau lebih untuk RTB akan disejajarkan, itu kita lulus dan akan segera-kan,” katanya.

Jelas Perdana Menteri, sebelum ini kerajaan menanggungkan projek RTB kerana ada ketirisan dalam projek tersebut.

“Kita perlu proses tender walau disejajarkan. Semua projek RTB yang diluluskan harus semuanya beroperasi mulai Jun ini. Jadi, tak boleh dilengahkan lagi,” katanya.

Pada 5 Disember lalu, beberapa kelulusan projek tebatan banjir bernilai RM7 bilion dilaporkan tidak diteruskan kerana memabitkan kelulusan secara rundingan terus sebelum ini.

Dalam pada itu, Anwar yang juga Menteri Kewangan memberi amaran supaya tiada pihak mencari dan mengambil peluang mendapatkan habuan tambahan memabitkan apa jua pe-

runtukan kerajaan terutamanya untuk banjir.

“Saya mahu beri amaran keras jangan guna peruntukan semasa banjir atau darurat atau apa jua masalah dihadapi rakyat. Jangan guna itu bagi mencari peluang untuk habuan tambahan,” katanya.

Anwar juga berkata, peruntukan daripada kerajaan diharapkan dapat meringankan beban mangsa banjir memandangkan banyak barang keperluan rumah rosak akibat bencana itu termasuk menghubungi syarikat berkaitan kerajaan (GLC) untuk membantu mangsa.

“Yayasan Sime Darby menyediakan kit kesihatan kepada 1,500 keluarga dan menyalurkan dana tambahan RM20 juta untuk mangsa banjir di negeri ini,” katanya sambil memaklumkan telah meminta Tenaga Nasional Berhad (TNB) menyelesaikan masalah bekalan elektrik.